



# KENYATAAN MEDIA

---

## KERJASAMA ANTARA AGENSI DIPERLUKAN DALAM MEMBANTERAS KILANG PEMROSESAN E-WASTE SECARA HARAM

---

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) komited untuk memastikan Malaysia tidak menjadi tempat transit atau pelupusan e-waste dari negara-negara maju. Langkah ini selaras dengan **Basel Convention on the Control of Transboundary Movements of Hazardous Wastes and Their Disposal**, yang menetapkan bahawa sebarang pergerakan rentas sempadan untuk buangan terjadual seperti e-waste memerlukan kelulusan terlebih dahulu sebelum aktiviti transit, *transshipment*, import, dan eksport dijalankan.

Susulan daripada laporan media berhubung kilang pemprosesan e-waste yang turut memproses kelongsong peluru secara haram, tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 telah dijalankan dan premis telah disiasat di bawah:

- i) **Seksyen 18**, kerana menjadi kemudahan penstoran luar tapak buangan terjadual tanpa mendapat lesen daripada JAS;
- ii) **Seksyen 34A**, kerana gagal mengemukakan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling kepada JAS; dan
- iii) **Seksyen 34B**, kerana menempatkan buangan terjadual tanpa terlebih dahulu mendapat apa-apa kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar.

Dalam hal ini, premis telah diambil tindakan **Penahanan Operasi Kelengkapan di bawah Seksyen 38(1)(a)** ke atas mesin-mesin pengeluaran yang digunapakai di dalam premis tanpa sebarang alat kawalan. Kertas siasatan untuk tujuan pendakwaan juga akan disediakan atas semua kesalahan di bawah AKAS 1974.

Bagi mengawal pergerakan masuk e-waste melalui pintu masuk utama negara, **Konvensyen Basel telah menetapkan supaya e-waste yang merentasi sempadan hendaklah melalui prosedur Prior Informed Consent (PIC)**. Setiap aktiviti pengimportan e-waste dikawal selia melalui syarat berikut:

a. e-waste yang disenaraikan di bawah **List A (Annex 8) dan List B (Annex 9)** hendaklah melalui Prosedur Prior Informed Consent. Pengimportan yang gagal mematuhi prosedur ini dikategorikan sebagai *illegal shipment* di bawah **Artikel 9**; dan

b. **Artikel 9 Konvensyen Basel** juga menyatakan bahawa negara pengeksport yang tidak mendapat kelulusan dari negara pengimport bagi barang dagangan yang dikategorikan sebagai buangan terjadual perlu mengambil semula barang dagangan tersebut dalam tempoh 30 hari.

Justeru, tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pengimport yang gagal mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan.

Di bawah Seksyen 34B, AKAS 1974 sebarang penempatan buangan terjadual sama ada di darat atau dalam perairan Malaysia, transit atau membenarkan ditransit e-waste tanpa kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar adalah menjadi satu kesalahan di bawah AKAS 1974 dan jika disabitkan kesalahan akan dikenakan hukuman denda sebanyak maksimum RM10 juta dan penjara tidak melebihi 5 tahun.

Berdasarkan rekod JAS, sehingga 31 Disember 2024 sebanyak **44 kilang e-waste** yang beroperasi secara haram telah diambil tindakan dan sebanyak **8 kilang tersebut** telah ditutup. Manakala sebanyak **36 kilang sedang dalam tindakan proses perundangan** di bawah AKAS 1974.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua agensi yang terlibat dalam operasi terkini iaitu JAS, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Pasukan Gerak Am (PGA), dan Pasukan Gerakan Udara (PGU). Kerjasama daripada pihak-pihak berkenaan amat dihargai dalam mendepani cabaran penguatkuasaan pergerakan e-waste rentas sempadan ke Malaysia.

**NIK NAZMI NIK AHMAD**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**  
**18 FEBRUARI 2025**